

**Titah Ucapan  
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku  
Munawir**

**Sempena Hari Keputeraan Ke-76  
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Ahad, 14 Januari 2024**

**Istana Besar Seri Menanti**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera***

1. Alhamdulillah segala pujian, sanjungan dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah S.W.T., Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W., juga ke atas kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Beta bersyukur dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Beta terus dikurniakan kesihatan untuk melaksanakan amanah memayungi negeri ini dan dapat berangkat hadir bersama Tunku Ampuan Besar bagi menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena ulang tahun hari keputeraan Beta yang ke-76 pada pagi ini.

## **Penghargaan Sembah Ucapan**

2. Beta dan Tunku Ampuan Besar turut menzahirkan setinggi-tinggi **penghargaan** kepada Menteri Besar yang mewakili Kerajaan Negeri dan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Beta serta rakyat Negeri Sembilan **atas perutusan sembah ucapan tahniah dan iringan doa** bersempena dengan hari keputeraan Beta pada kali ini. Beta dan Tunku Ampuan Besar juga mendoakan agar sekalian rakyat dikurniakan nikmat kesejahteraan dan kemakmuran berpanjangan.

## **Harapan Tahun Baharu 2024**

3. Tahun baharu 2024 telah pun bermula dan tahun 2023 ditinggalkan dengan pelbagai kenangan dan pengalaman berharga. Beta dan Tunku Ampuan Besar mengucapkan Selamat Tahun Baharu bersama harapan agar kehadiran

tahun 2024 akan terus memberikan sinar yang gemilang kepada kita semua.

4. Kepada rakyat Beta yang sedang diuji dengan pelbagai masalah dan musibah, Beta mendoakan agar kamu tabah menghadapinya. Beta amat yakin, kamu semua adalah rakyat yang cekal dan bersemangat untuk mendepani cabaran masa hadapan terutamanya dari sudut ekonomi dan sosial. Beta berharap agar kehidupan rakyat Beta akan terus dipermudahkan dan segala usaha serta perancangan untuk negeri ini akan dapat dilaksanakan.

5. Beta ingin menzahirkan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin yang sedang diuji oleh Allah S.W.T dan mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin. Beta menyeru kepada semua untuk sama-sama menyatakan sokongan dengan pelbagai cara bagi

meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu Palestin. Di samping itu, kita juga boleh membantu dengan menyumbang kepada Tabung Prihatin Palestin Kerajaan Negeri Sembilan yang telah ditubuhkan. Beta berdoa semoga rakyat Palestin akan menerima pembelaan yang sewajarnya dan akhirnya bebas daripada cengkaman kuasa Zionis.

### **Kesejahteraan Rakyat Negeri Sembilan**

6. Bagi menjamin kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan, **kestabilan moral dan keharmonian sosial mengikut nilai-nilai agama harus terus diperkuatkan**. Elemen negatif yang boleh mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian harus ditolak oleh semua ahli masyarakat. Sebaliknya kita perlu berusaha untuk mengenali dan memahami adat serta budaya berbilang kaum di Malaysia. Oleh itu, Beta menyeru kepada semua rakyat untuk mempertingkatkan tali

persahabatan dan percampuran di kalangan masyarakat majmuk melalui pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, sukan dan kunjungan rumah terbuka. Ia akan memastikan semangat kebersamaan antara kita sentiasa teguh dan seterusnya mengekalkan perpaduan dan keharmonian.

7. Selain itu, kesejahteraan rakyat juga ditentukan oleh pencapaian ekonomi negeri. Pada masa ini, kadar pertumbuhan KDNK dan jumlah kutipan hasil negeri adalah amat membanggakan. Untuk mengekalkan prestasi ini, Beta berharap kerajaan meneruskan perancangan yang dinyatakan dalam **Pelan Tindakan Khusus Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025**. Pelan tersebut merupakan perancangan terkini kerajaan dalam menangani isu ekonomi semasa di Negeri Sembilan.

8. Seterusnya Beta ingin berpesan kepada semua supaya sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan perubahan sama ada dari segi ekonomi, sosial maupun iklim dunia. Beta telah disembah maklum bahawa kerajaan Beta telah membuat persediaan dengan mengukuhkan pengurusan kerajaan melalui inovasi dalam pentadbiran dan mengaplikasi teknologi terbaru. Di samping itu, kerajaan juga telah merencana program-program tertentu yang bertujuan membantu rakyat membuat persediaan menghadapi ketidaktentuan ini.

### **Pentadbiran Kerajaan Negeri Yang Berkualiti Dan Efisien**

9. Beta berterima kasih di atas tugas-tugas yang telah dan sedang dilakukan oleh institusi sektor awam yang merupakan paksi kepada keberkesanan dan kelancaran pembangunan. Namun, Beta yakin masih banyak lagi ruang untuk meningkatkan sistem penyampaian dan pengurusan

dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat. Usaha penambahbaikan perlu sentiasa berterusan berlandaskan prinsip bekerja secara telus, beretika dan berintegriti.

### **Ucapan Tahniah Kepada Penerima Pingat**

10. Pada kesempatan ini juga, Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada barisan penerima pingat dan bintang kebesaran dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Beta kali ini. Kurniaan ini adalah sebagai satu tanda penghargaan atas jasa dan bakti yang telah diberikan kepada Beta, Kerajaan Beta dan Negeri Sembilan khususnya. Kurniaan yang telah diberi perlu sentiasa dipelihara kerana ia mencerminkan martabat dan kehormatan Institusi Diraja Negeri Sembilan. Justeru, para penerima mempunyai amanah dalam menjaga kemuliaan dan pengiktirafan yang dikurniakan ini dengan

memastikan imej, tatasusila, tingkah laku dan keperibadian masing-masing sentiasa terpelihara.

### **Ucapan Terima Kasih**

11. Beta sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan, warga perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta pasukan keselamatan yang sentiasa taat setia dalam menggalas amanah untuk Negeri Sembilan. Begitu juga penghargaan Beta kepada semua pihak di sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan, juga seluruh lapisan rakyat atas sumbangan, sokongan dan kesungguhan dalam meneruskan kesinambungan usaha pembangunan negeri bertuah ini.

12. Mengakhiri titah, marilah sama-sama kita memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT semoga Negeri Sembilan Darul Khusus bersama warganya sentiasa berada dalam perlindungan dan pemeliharaan-Nya. Semoga kita terus dilimpahi dengan keberkatan serta keamanan dan perpaduan yang berkekalan.

Sekian.

***Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***